



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 25 JULAI 2024

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3.	LRT 'DASAR LAUT' PERTAMA MALAYSIA, K2, KOSMO -19 TARIK KEHADIRAN PELANCONG, KONSERVASI HIDUPAN MARIN, K2, KOSMO -20 'JADIKAN PULAU TIOMAN PULAU CONTOH', K2, KOSMO -21	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
4. 5. 6. 7. 8. 9. 10. 11. 12.	MAQIS RAMPAS 2kg SARANG BURUNG TIADA PERMIT, LOKAL, HM -4 MAQIS RAMPAS 2kg SARANG BURUNG TANPA PERMIT SAH DI KLIA, BH -ONLINE MAQIS RAMPAS 2kg SARANG BURUNG DI KLIA TERMINAL 2, HM -ONLINE MAQIS RAMPAS SARANG BURUNG BERNILAI RM8,000, MALAYSIA GAZETTE -ONLINE MAQIS RAMPAS SARANG BURUNG BERNILAI RM80,000 TANPA PERMIT IMPORT, BERITA RTM -ONLINE CUBAAN BAWA MASUK SARANG BURUNG DARI LAOS GAGAL, MALAYSIA TRIBUNE -ONLINE MAQIS RAMPAS SARANG BURUNG RM8,000 CUBA DIBAWA KE DALAM NEGARA TANPA KEBENARAN, BERNAMA -ONLINE MAQIS RAMPAS PRODUK HASILAN BABI DARI MACAU, SH -ONLINE BUAH TANGAN PRODUK BABI DARI MACAU DIRAMPAS MAQIS, MG PERAK -ONLINE	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
13. 14.	KAJI SEMULA IMPORT SAYUR CHINA, THAILAND, BEKAS TIMBALAN MENTERI BERITAHU KERAJAAN, FREE MALAYSIA TODAY -ONLINE KEMARAU: 1,817 HEKTAR SAWAH TERJEJAS, DALAM NEGERI, UM -29	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/7/2024	KOSMO	K2	19

Kosmo!

Menyelami
Hidup Anda

lk2

KHAMIS 25.07.2024

3007

**YAYASAN
AL-SULTAN
ABDULLAH**

**LRT 'dasar laut'
pertama Malaysia**

HASIL inisiatif Yayasan Al-Sultan Abdullah (YASA), dua buah gerabak transit aliran ringan (LRT) berjaya dipindahkan dari Kelana Jaya, Selangor ke Pulau Tioman, Pahang sebelum dilabuhkan di dasar laut Monkey Bay untuk dijadikan tugu tiruan, selain membantu menarik kehadiran pelancong.



Rencana Utama

Oleh
**SITI SARAH
NURUL LIYANA**

APABILA bercakap tentang transit aliran ringan (LRT), pasti ramai membayangkan panorama pencakar langit Kuala Lumpur sebagai latar belakang pengangkutan awam tersebut. Namun, hasil inisiatif dicetuskan oleh Yayasan Al-Sultan Abdullah (YASA), dua buah gerabak LRT telah dilabuhkan di dasar laut untuk dijadikan tukun tiruan. Hasilnya, para penyelam dapat merasai pengalaman menyelam ke dalam LRT sambil ditemani hidupan marin yang menjadikan tukun tiruan itu sebagai habitat.

Tapak terumbu yang terletak sejauh 18 meter di dasar laut Monkey Bay, Pulau Tioman, Pahang itu dinamakan sebagai Tapak Selam Al-Sultan Abdullah.

Usaha tersebut menjadikan Pulau Tioman diiktiraf oleh *Malaysia Book of Records* (MBOR) sebagai pulau pertama di Malaysia memiliki tukun gerabak LRT.

Majlis pelancaran MBOR: *The First LRT Coach Reef in Malaysia* itu disempurnakan oleh Sultan Pahang, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah di Berjaya Tioman Resort.

Turut berangkat ialah Tengku Ampuan Pahang, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah dan Tengku Mahkota Pahang, Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah.

Pengurus Besar YASA, Mohd. Fakhru Islam Juhali berkata, Pulau Tioman dipilih sebagai lokasi program kerana 'kekayaan' persekitaran marinyanya.

Katanya lagi, pulau tersebut juga memiliki kepentingan strategik sebagai destinasi pelancongan utama di Pahang. "Pulau ini merupakan pulau terbesar dalam kumpulan sembilan pulau yang membentuk Taman Laut Pulau Tioman.

"Antara aktiviti yang popular di pulau ini adalah selam snorkel dan selam skuba kerana tarikan terumbu karangnya.

"Tapak selaman ini diharapkan dapat meningkatkan ekonomi tempatan dengan menarik lebih ramai pelancong," jelasnya.

Untuk rekod, program itu dianjurkan oleh YASA dengan kerjasama Gaya Travel Media serta disokong oleh Lembaga Pembangunan Tioman, MBOR, Prasarana Malaysia Berhad, Jabatan Perikanan Malaysia, Tourism Pahang, Berjaya Hotels & Resorts, Salam Alliance Sdn. Bhd. dan Aqualight Motion.

Secara keseluruhan, usaha melabuhkan dua gerabak LRT itu melibatkan 60 penyelam diketuai Tengku Panglima Raja, Brigadier Jeneral Tengku Amir Nasser Ibrahim Shah.

Berkongsi tentang cabaran pelaksanaan misi tersebut, penasihat teknikal program, Noriqram Mohd. Nor berkata, pelbagai aspek melibatkan logistik, cuaca, arus dan tahap pasang surut air diteliti dengan rapi.

"Setelah lebih kurang dua bulan melakukan perbincangan dengan pihak YASA dan Jabatan Perikanan Malaysia (DOF), kami (Tukung Meng) mula



AL-SULTAN ABDULLAH (tiga dari kiri), Tunku Azizah (tengah) dan Tengku Hassanal (dua dari kiri) bergambar kenangan sewaktu majlis pelancaran MBOR: *The First LRT Coach Reef in Malaysia* di Pulau Tioman, Pahang baru-baru ini. - GAYA TRAVEL

Tarik kehadiran pelancong, konservasi hidupan marin



PROSES melabuhkan gerabak LRT dilakukan dengan berhati-hati menggunakan kren.



SEBANYAK dua gerabak LRT dilabuhkan di dasar laut sebagai tukun tiruan.

melakukan kerja-kerja melabuhkan LRT. "Tukung Meng terdiri daripada penyelam pelbagai kepakaran termasuk pengajar skuba, jurutera struktur, ahli biologi marin dan pakar perubatan hiperbarik," katanya.

Proses membawa kedua-dua gerabak dari Kelana Jaya, Selangor ke Kuala Rompin, Pahang itu dilakukan oleh Aman Logistik menggunakan trak.

Sebaik tiba di Kuala Rompin, kerja-kerja fabrikasi platform yang diperbuat daripada 'galvanised iron' (paip besi yang diisi konkrit) dilakukan untuk dijadikan asas tapak pelabuhan LRT.

Kemudian, proses 'depollution' LRT dilakukan bagi membuang komponen yang berbahaya kepada hidupan laut seperti minyak pelincir, getah, motor dan roda.

Setelah hasil 'depollution' mendapat kelulusan daripada pihak DOF, kedua-dua gerabak LRT seberat 14 tan, platform serta kren diangkat menggunakan tongkang.

Perjalanan tongkang ke Pulau Tioman diuruskan oleh Sinar Tioman Enterprise yang memakan masa selama enam jam.

Tambah lelaki yang turut dikenali sebagai Bundy itu, LRT dengan platform pada bahagian tapaknya dilabuhkan ke dasar laut secara berhati-hati.

Katanya, fungsi platform tersebut bertujuan mengelakkan gerabak LRT bergerak apabila terdapat tekanan arus pada permukaan dasar laut.

"Oleh kerana ini pertama kali gerabak LRT dijadikan tukun, kami tidak pasti berapa laju air akan memasuki rongga-rongga gerabak.

"Namun, hasil kepakaran dan kerjasama semua, setiap isu yang timbul dapat diatasi dengan jayanya," katanya.

INFO

Tukun LRT pertama Malaysia

- Tapak terumbu yang berada sejauh 18 meter di dasar laut Monkey Bay, Pulau Tioman, Pahang itu dinamakan sebagai Tapak Selam Al-Sultan Abdullah
- Usaha melabuhkan dua gerabak LRT itu melibatkan 60 penyelam diketuai oleh Tengku Panglima Raja, Brigadier Jeneral Tengku Amir Nasser Ibrahim Shah
- Usaha tersebut menjadikan Pulau Tioman diiktiraf oleh Malaysia Book of Records (MBOR) sebagai pulau pertama memiliki tukun LRT
- Majlis pelancaran MBOR: The First LRT Coach Reef in Malaysia disempurnakan oleh Sultan Pahang, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah di Berjaya Tioman Resort
- Selain bertujuan menjadi tarikan pelancongan, tukun tiruan itu juga memiliki fungsi konservasi hidupan marin, sekali gus mampu meningkatkan ekonomi penduduk setempat

Sementara itu, Ketua Cawangan Bahagian Konservasi dan Perlindungan Perikanan Cawangan Konservasi Ekosistem Dan Biodiversiti, Jabatan Perikanan Malaysia, Azlan Md. Nor berkata, pemantauan akan dibuat enam bulan atau setahun sekali bergantung kepada integriti struktur tukun tersebut.

Ujarnya, dinding LRT secara asasnya memiliki struktur yang licin, sekali gus menyukarkan pembiakan terumbu karang.

Justeru, pihaknya mencadangkan agar rangka pemulihan karang diletakkan di atas tukun LRT agar tujuan konservasi dapat dicapai.

"Semasa buat syarat kelulusan, kami cadang untuk meletak rangka pemulihan karang.

"Kita akan tengok koloni terumbu karang membiak di kawasan tersebut.

"Kami akan mulakan dengan spesies terumbu acropora yang akan tumbuh secara semula jadi sepanjang dua hingga tiga inci setahun," jelasnya.



DUA gerabak LRT dan kren dibawa ke Pulau Tioman menaiki tongkang.

Impak domino terhadap langkah konservasi tersebut tertumpu kepada usaha menarik kehadiran lebih banyak ikan ke terumbu karang tersebut dan dijadikan habitat.

Ini secara tidak langsung dapat mengurangkan tekanan kepada terumbu karang sedia ada kerana sebahagian ikan akan berpindah ke habitat baharu.

Limpahan ikan yang bertelur dan membiak di habitat baharu itu nanti boleh menjadi punca rezeki kepada para nelayan di sekitar kawasan pulau

tersebut.

Bagaimanapun, Azlan menegaskan, nelayan tidak dibenarkan memukat ikan berdekatan kawasan tukun LRT berkenaan.

"Terumbu karang sangat sensitif. Kalau terkena bubu, ia boleh rosak dan mati, sekali gus menjejaskan hidupan marin yang bergantung kepadanya.

"Bagaimanapun, nelayan boleh mendapat manfaat apabila ikan-ikan ini keluar dari habitat dan berenang bebas di lautan," katanya sebelum menutup bicara.



AL-SULTAN ABDULLAH

'Jadikan Pulau Tioman pulau contoh'

SULTAN Pahang, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah bertitah agar pentadbir merangka satu bentuk kaedah atau formula yang boleh membantu memelihara alam sekitar di Pulau Tioman.

Titah tersebut dizahirkan baginda yang berhasrat untuk menjadikan Pulau Tioman sebagai pulau contoh dari segi pemuliharaan alam semula jadi dan pengurangan pelepasan karbon.

"Saya harap segala bentuk pembinaan struktur di pulau ini diawasi sebaik mungkin oleh pihak kerajaan dan pihak berkuasa. Biarlah ambil masa dalam membuat keputusan dengan mengutamakan soal persekitaran."

"Saya juga tak mahu lihat masalah pencemaran disebabkan kereta dan motosikal yang berlebihan di pulau ini.

"Kalau boleh, adakan satu kaedah yang boleh mengawal pencemaran udara," titah baginda ketika merasmikan Malaysia Book of Records: The First LRT Coach Reef in Malaysia baru-baru ini.

Untuk rekod, Pulau Tioman telah diiktiraf sebagai Pulau Tenaga Hijau selepas Pulau Perhentian dan Pulau Redang di Terengganu menerusi penggunaan Tenaga Boleh Baharu (TBB).

Antara contoh TBB adalah pembangunan taman solar, pembekalan elektrik untuk tujuan pusat data baharu dan penjaan hidrogen hijau.

Mengulas lanjut, Al-Sultan Abdullah berharap penduduk di Pulau Tioman dapat menjaga kebersihan sungai, selain memastikan kawasan di sekeliling rumah terjaga.



SEORANG penyelam bergambar di dalam gerabak LRT di dasar laut Pulau Tioman.

Maqis rampas 2kg sarang burung tiada permit

Putrajaya: Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) merampas dua kilogram (kg) sarang burung yang cuba dibawa masuk menerusi Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) Terminal 2. Pengarah Maqis Selangor Mohd Sobri Md Hashim berkata, sarang burung dianggarkan bernilai RM8,000 itu dikesan ketika melalui mesin pengimbas Jabatan Kastam Diraja Ma-

laysia (JKDM) jam 11.45 malam Khamis lalu. Menurutinya, sarang burung yang diletakkan dalam empat bungkusan itu disita kerana tidak memiliiki permit import sah. “Sarang burung itu dibawa seorang warga tempatan yang tiba dari Laos. “Perbuatan mengimport sarang burung tanpa permit yang sah daripada Maqis adalah menjadi suatu kesalahan mengikut Seksyen 11 (1) Akta Perkhid-

matan Kuarantin dan Pemeriksaan 2011 (Akta 728),” katanya menerusi satu kenyataan semalam. Mohd Sobri berkata, kesalahan itu boleh dihukum mengikut Seksyen 11(3) akta sama dan jika sabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya sekali. Katanya, Maqis akan sentiasa memastikan tumbu-

han, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanih dan mikroorganisma yang dibawa masuk ke negara ini adalah bebas dari ancaman perosak serta penyakit. “Selain itu, ia juga perlu bebas daripada bahan cemar serta tidak akan menjejaskan sektor pertanian, penternakan dan makanan negara di samping mematuhi aspek kesihatan manusia, haiwan, tumbuhan, ikan dan kesihatan maknan,” katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/7/2024	BERITA HARIAN	ONLINE	

MAQIS rampas 2kg sarang burung tanpa permit sah di KLIA



Pegawai MAQIS menunjukkan 2kg sarang burung yang dirampas selepas cuba dibawa masuk tanpa permit sah melalui Terminal 2 KLIA. - Foto ihsan MAQIS

PUTRAJAYA: Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) merampas dua kilogram (kg) sarang burung yang cuba dibawa masuk tanpa permit sah menerusi Terminal 2 Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).

Pengarah MAQIS Selangor, Mohd Sobri Md Hashim, berkata sarang burung dianggarkan bernilai RM8,000 itu dikesan ketika melalui mesin pengimbas Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) pada jam 11.45 malam, Khamis lalu.

"Sarang burung diletakkan dalam empat bungkusan itu dibawa seorang warga tempatan yang tiba dari Laos.

"Perbuatan mengimport sarang burung tanpa permit sah dari MAQIS adalah suatu kesalahan mengikut Seksyen 11(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan 2011," katanya menerusi kenyataan.

Mohd Sobri berkata, MAQIS sentiasa memastikan tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah dan mikroorganisma yang dibawa masuk ke negara ini adalah bebas dari ancaman perosak serta penyakit.

"Ia juga perlu bebas daripada bahan cemar serta tidak akan menjejaskan sektor pertanian, penternakan dan makanan negara di samping mematuhi aspek kesihatan manusia, haiwan, tumbuhan, ikan dan kesihatan makanan," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/7/2024	HARIAN METRO	ONLINE	

Maqis rampas 2kg sarang burung di KLIA Terminal 2



ANGGOTA Maqis menunjukkan sarang burung yang dirampas di KLIA Terminal 2 pada Khamis lalu. FOTO Ihsan Maqis

Putrajaya: Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) merampas dua kilogram (kg) sarang burung yang cuba dibawa masuk menerusi Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) Terminal 2.

Pengarah Maqis Selangor Mohd Sobri Md Hashim berkata, sarang burung dianggarkan bernilai RM8,000 itu dikesan ketika melalui mesin pengimbas Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) pada 11.45 malam Khamis lalu.

Menurutnya, sarang burung yang diletakkan dalam empat bungkusan itu disita kerana tidak memiliki permit import sah.

"Sarang burung itu dibawa oleh seorang warga tempatan yang tiba dari Laos.

"Perbuatan mengimport sarang burung tanpa permit yang sah dari Maqis adalah menjadi suatu kesalahan mengikut Seksyen 11 (1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan 2011 (Akta 728)," katanya menerusi satu kenyataan hari ini.

Mohd Sobri berkata, kesalahan itu boleh dihukum mengikut Seksyen 11(3) akta sama dan jika sabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya sekali.

Katanya, Maqis akan sentiasa memastikan tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah dan mikroorganisma yang dibawa masuk ke negara ini adalah bebas dari ancaman perosak serta penyakit.

"Selain itu, ia juga perlu bebas daripada bahan cemar serta tidak akan menjejaskan sektor pertanian, penternakan dan makanan negara di samping mematuhi aspek kesihatan manusia, haiwan, tumbuhan, ikan dan kesihatan makanan," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/7/2024	MALAYSIA GAZETTE	ONLINE	

Maqis rampas sarang burung bernilai RM8,000



Dua penguat kuasa menunjukkan 2kg sarang burung yang cuba dibawa masuk tanpa permit sah melalui Terminal 2 KLIA. - Ihsan Maqis

SEPANG – Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) merampas sarang burung bernilai RM8,000 yang cuba dibawa masuk ke dalam negara oleh seorang individu tanpa kebenaran, di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) Terminal 2

Khamis lepas.

Pengarah Maqis Selangor Mohd Sobri Md Hashim berkata, sarang burung seberat dua kilogram yang diletakkan dalam empat bungkusan itu berjaya dikesan dengan bantuan mesin pengimbas Jabatan Kastam Diraja Malaysia sekitar pukul 11.45 malam.

“Sarang burung tersebut disita oleh pihak Maqis kerana tidak mempunyai permit import yang sah,” katanya dalam kenyataan hari ini.

Perbuatan mengimport sarang burung tanpa permit yang sah dari MAQIS adalah menjadi suatu kesalahan di bawah Seksyen 11 (1), Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011(Akta 728) yang boleh dihukum dibawah Seksyen 11(3) akta yang sama.

Jika disabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya.

Mohd Sobri berkata, pihak Maqis akan sentiasa memastikan tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah dan mikroorganisma yang dibawa masuk ke dalam Malaysia adalah bebas dari ancaman perosak, penyakit dan bahan cemar. – BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/7/2024	BERITA RTM	ONLINE	

MAQIS rampas sarang burung bernilai RM8,000 tanpa permit import



Dua kilogram (kg) sarang burung bernilai RM8,000 yang cuba dibawa masuk menerusi Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) Terminal 2/ Foto: MAQIS

SEPANG, 24 Julai- Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) merampas dua kilogram (kg) sarang burung bernilai RM8,000 yang cuba dibawa masuk

menerusi Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) Terminal 2.

Pengarah MAQIS Selangor, Mohd Sobri Md Hashim berkata sarang burung itu dikesan ketika melalui mesin pengimbas Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) pada 11.45 malam Khamis lalu.

"Sarang burung tersebut disita oleh pihak MAQIS kerana tidak mempunyai permit import yang sah.

"Sarang burung itu dibawa oleh seorang warga tempatan yang tiba dari Laos," katanya menerusi satu kenyataan hari ini.

Perbuatan mengimport sarang burung tanpa permit yang sah dari MAQIS adalah menjadi suatu kesalahan di bawah Seksyen 11 (1) , Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011(Akta 728) yang boleh dihukum dibawah Seksyen 11(3) akta yang sama.

Mohd Sobri berkata, kesalahan itu boleh dihukum mengikut Seksyen 11(3) akta sama dan jika sabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya sekali.

Beliau berkata pihaknya akan sentiasa memastikan tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah dan mikroorganisma yang dibawa masuk ke dalam Malaysia adalah bebas dari ancaman perosak, penyakit dan bahan cemar.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/7/2024	MALAYSIA TRIBUNE	ONLINE	

Cubaan bawa masuk sarang burung dari Laos gagal



PUTRAJAYA – Cubaan membawa masuk dua kilogram (kg) sarang burung digagalkan Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) Terminal 2.

Pengarah MAQIS Selangor Mohd Sobri Md Hashim berkata, sarang burung yang

dianggarkan bernilai RM8,000 itu dikesan ketika melalui mesin pengimbas Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) pada 11.45 malam Khamis lepas.

Menurutnya, sarang burung yang dibawa oleh seorang warga tempatan yang tiba dari Laos itu telah disita kerana tidak memiliki permit import sah.

“Perbuatan mengimport sarang burung tanpa permit yang sah dari MAQIS adalah menjadi suatu kesalahan mengikut Seksyen 11 (1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan 2011 (Akta 728),” katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Tambah Mohd Sobri, kesalahan itu boleh dihukum mengikut Seksyen 11(3) akta sama dan jika sabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya sekali.

Jelasnya, MAQIS akan sentiasa memastikan tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah dan mikroorganisma yang dibawa masuk ke negara ini adalah bebas dari ancaman perosak serta penyakit.

“Selain itu, ia juga perlu bebas daripada bahan cemar serta tidak akan menjejaskan sektor pertanian, penternakan dan makanan negara di samping mematuhi aspek kesihatan manusia, haiwan, tumbuhan, ikan dan kesihatan makanan,” katanya.



Cerita Berita

MAQIS rampas sarang burung RM8,000 cuba dibawa ke dalam negara tanpa kebenaran

BERNAMA

24-07- 2024 11:23 AM



Gambar hiasan - FREEPIK

SEPANG: Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) merampas sarang burung bernilai RM8,000 yang cuba dibawa masuk ke dalam negara

oleh seorang individu tanpa kebenaran, di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) Terminal 2 Khamis lepas.


Pengarah MAQIS Selangor Mohd Sobri Md Hashim berkata sarang burung seberat dua kilogram yang diletakkan dalam empat bungkus itu berjaya dikesan dengan bantuan mesin pengimbas Jabatan Kastam Diraja Malaysia sekitar pukul 11.45 malam.

"Sarang burung tersebut disita oleh pihak MAQIS kerana tidak mempunyai permit import MAQIS yang sah," katanya dalam kenyataan hari ini.

Perbuatan mengimport sarang burung tanpa permit yang sah dari MAQIS adalah menjadi suatu kesalahan di bawah Seksyen 11 (1) , Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011(Akta 728) yang boleh dihukum dibawah Seksyen 11(3) akta yang sama.

Jika disabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya.

Mohd Sobri berkata pihak MAQIS akan sentiasa memastikan tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah dan mikroorganisma yang dibawa masuk ke dalam Malaysia adalah bebas dari ancaman perosak, penyakit dan bahan cemar.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/7/2024	SINAR HARIAN	ONLINE	

Maqis rampas produk hasilan babi dari Macau



Pegawai Maqis Perak menunjukkan produk hasilan babi yang dirampas setelah dibawa masuk menerusi Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah pada 11 Julai lalu.

IPOH - Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Perak berjaya merampas produk hasilan babi dari Macau seberat lapan kilogram yang dibawa masuk menerusi

Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah (LTSAS) di sini pada 11 Julai lalu.

Pengarahnya, Mohd Noor Hashim berkata, produk tersebut dibawa masuk menggunakan sebuah beg pakaian oleh seorang warga tempatan sebelum dikesan pihak Maqis.

Menurut beliau, hasil pemeriksaan mendapati produk hasilan babi yang dibawa masuk tidak mempunyai permit import Maqis yang sah.

"Produk hasilan babi yang dianggarkan bernilai RM2,000 itu ditahan hasil daripada pemeriksaan ke atas beg yang dibawa individu terbabit oleh pegawai Maqis di pintu masuk tersebut.

"Walaupun nilai rampasan rendah namun risiko kemasukan penyakit terutama demam babi Afrika melalui produk yang disita boleh menjejaskan industri penternakan haiwan di negara kita," katanya menerusi kenyataan media pada Rabu.

Mohd Noor berkata, tiada individu yang ditahan sebaliknya hanya barang-barang melibatkan produk hasilan babi dirampas.

Menurutnya, semua barang tersebut telah dirampas di bawah Seksyen 11 (1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728) yang membawa hukuman denda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjara tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya jika sabit kesalahan.

Beliau berkata, Akta 728 dikuatkuasakan bagi memastikan tumbuhan, haiwan, karkas, ikan, keluaran pertanian dan mikro organisma yang diimport ke negara ini bebas daripada ancaman perosak, penyakit dan bahan cemar serta mematuhi syarat dan peraturan yang telah ditetapkan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/7/2024	MG PERAK	ONLINE	

Buah tangan produk babi dari Macau dirampas MAQIS



Produk hasilan babi yang dirampas MAQIS di pintu masuk Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah, Ipoh. Foto, IHSAN MAQIS PERAK.

IPOH – Niat seorang warga tempatan membawa pulang produk hasilan babi dari Macau sebagai buah tangan tidak kesampaian apabila dirampas Ketika masuk ke negara ini 11 Julai lalu.

Difahamkan lelaki berusia 40an itu berhasrat menghadihkan produk berkenaan kepada ahli keluarganya namun tidak mengetahui bahawa daging babi dilarang dibawa masuk ke Malaysia tanpa sebarang permit.

Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) Negeri Perak, Mohd Noor Hashim berkata, produk tersebut dirampas di pintu masuk Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah, di sini.

“Produk hasilan babi yang dianggarkan bernilai RM 2,000 itu ditahan hasil daripada pemeriksaan hand carry yang dilakukan oleh pegawai MAQIS di pintu masuk tersebut.

“Pemeriksaan mendapati produk hasilan babi yang dibawa masuk tidak mempunyai permit import MAQIS yang sah,” katanya dalam satu kenyataan pada Rabu.

Beliau berkata, meskipun nilai rampasan rendah namun risiko kemasukan penyakit terutamanya ‘African Swine Fever’ atau dikenali sebagai demam babi Afrika melalui produk yang disita boleh menjejaskan industri perternakan haiwan di negara kita.

Jelas beliau, kemasukan perlu mematuhi syarat yang ditetapkan seperti mempunyai permit import MAQIS.

“Semua barang rampasan tersebut telah ditahan di bawah Seksyen 11 (1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728) yang boleh disabitkan denda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya.

“Akta 728 diperkuatkuasakan bagi memastikan tumbuhan, haiwan, karkas, ikan, keluaran pertanian dan mikro organisma yang di import ke negara ini bebas dari ancaman perosak, penyakit dan bahan cemar serta mematuhi syarat dan peraturan yang telah ditetapkan,” katanya. -MG Perak

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/7/2024	FREE MALAYSIA	ONLINE	
	TODAY		

Kaji semula import sayur China, Thailand, bekas timbalan menteri beritahu kerajaan



Sim Tze Tzin berkata kejatuhan harga sayur di pasaran menyebabkan pekebun rugi dan tidak sihat untuk industri bagi jangka panjang. (Gambar Facebook)

PETALING JAYA:

Bekas timbalan menteri pertanian Sim Tze Tzin menyeru kerajaan mengkaji balik pengimportan sayur-sayuran yang berleluasa dari Thailand dan China hingga menyebabkan harga makanan itu di pasaran jatuh mendadak.

Ahli Parlimen Bayan Baru berkata keadaan itu menyebabkan pekebun tempatan mengalami kerugian kerana terpaksa bersaing dengan sayuran import yang lebih murah.

“Petani menghadapi saingan daripada pengimportan sayuran-sayuran dari China dan Thailand yang berleluasa.

China adalah negara besar, lambakan sayur di pasaran kecil Malaysia sudah tentu akan menyebabkan kerugian kepada pekebun kecil dan pekebun besar,

katanya di Facebook.

Sim berkata ada pekebun sayur dari Cameron Highland datang ke pejabatnya dan mengadu mengenai kejatuhan harga sayuran di pasaran.

“Contohnya, harga kobis yang dahulunya RM4 hingga RM5 sekilogram sekarang berharga RM1.80 sekilogram sementara kos pengeluaran pula adalah RM.160. Daun bawang pula berharga 30 sen sekilogram.

Pengguna seronok apabila harga jatuh tetapi pekebun yang menghasilkan makanan mengalami kerugian, ini tidak sihat untuk industri penanaman sayur kita untuk jangka panjang,

katanya.

Katanya, baru-baru ini China dilaporkan mahu membuka satu syarikat yang akan mengimport terus makanan dari negara itu sekali gus menguasai rantaian pengimportan dan pasaran sayur tempatan.

Jika keadaan ini berterusan petani yang mengalami kerugian akan bersara dari industri ini. Ini akan menjejaskan keterjaminan makanan negara,

katanya yang meminta Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan mencari penyelesaian kawalan penimportan sayuran-sayuran.

25/7/2024

UTUSAN
MALAYSIADALAM
NEGERI

29



PESAWAH menunjukkan keadaan padi yang layu dan kekuningan disebabkan tiada air akibat musim kemarau di Bagan Serai, Perak. - UTUSAN/WAT KAMAL ABAS

Kemarau: 1,817 hektar sawah terjejas

Oleh WAT KAMAL ABAS
utusannews@mediamulla.com.my

BAGAN SERAI: Dianggarkan lebih separuh daripada 1,817 hektar sawah padi yang baru ditanam di Kompartmen E di Alor Pongsu di sini, rosak disebabkan Tasik Bukit Merah tidak dapat membekalkan air apabila tasik itu kering sejak bulan lalu.

Pengairan untuk sawah padi di Bagan Serai dihentikan sepenuhnya oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Kerian pada 28 Jun lalu, berikutan paras air tasik itu yang semakin menurun.

Ia menyebabkan padi yang baru ditanam 40 hari lalu bertukar warna daunnya menjadi kekuningan dan jika masih tiada air dibekalkan, kemungkinan tanaman itu mati.

Seorang pesawah, Ahmad Fauzi Jelani, 42, berkata, sebahagian besar kawasan yang terlibat dengan masalah air menyebabkan tanahnya kering-kontang.

Katanya, daun padi di bawah usia 45 hari menjadi layu dan kekuningan manakala bahagian petak sawah yang mengandungi air kini ditumbuhi keladi agas.

"Keladi agas boleh menjadi ancaman kepada pertumbuhan padi kerana ia membiak dengan cepat sehingga boleh memenuhi petak sawah.

"Saya sudah mengusahakan

sawah padi milik keluarga lebih 27 tahun sebagai punca pendapatan dan tidak pernah mengalami keadaan yang teruk disebabkan kemarau.

"Saya mengeluarkan modal RM1,000 bagi penanaman musim ini untuk benih, upah mesin traktor, racun dan lain-lain. Namun disebabkan kemarau sehingga air tidak dapat dibekalkan ke sawah, padi yang baru ditanam sukar untuk tumbuh malah tanah sawah kering kontang," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Menurutnya, pihak yang berkenaan termasuk Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) dan JPS daerah ada menyediakan pam air di hadapan pintu masuk kampung tersebut.

Namun, katanya, kuantiti air yang dipam dari saliran utama untuk masuk ke dalam parit utama kampung dan kemudian disalurkan ke parit tidak mencukupi.

"Hanya petak sawah yang berada di kawasan hadapan dan di tanah rendah menerima bekalan air dari pam yang disediakan.

"Ini menyebabkan tanah yang tidak menerima bekalan air kering-kontang serta merekah, hingga menyebabkan tanaman padi bukan sahaja tumbesarnya terbantut malah ada yang menjadi layu dan kekuning-kuningan," katanya.